

BAB 4

METODOLOGI PENYELIDIKAN


1.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan metodologi yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini dan teknik statistik yang digunakan untuk menganalisa data.

2.0 RANGKA KERJA TEORITIKAL

Rajah 4 menyediakan rangka kerja teoritikal yang telah menjadi asas kepada analisis penyelidikan ini. Secara ringkasnya, model penyelidikan ini terdiri daripada dua komponen utama iaitu variabel bebas dan variabel bersandar. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, penyelidikan ini akan memberi tumpuan kepada tiga faktor utama yang dianggap mempengaruhi pemindahan kandungan latihan ke tempat kerja iaitu ciri-ciri pelatih, rekabentuk latihan dan persekitaran kerja.

Rajah 4
Rangka kerja Teoritikal



Variabel bersandar iaitu pemindahan kandungan latihan merupakan fokus utama yang perlu dijelaskan. Rajah 4 menunjukkan kehadiran ciri-ciri individu, rekabentuk latihan dan persekitaran kerja, merupakan variabel bebas yang mempengaruhi pemindahan kandungan latihan. Hasil dalam penyelidikan ini pula adalah prestasi kerja. Dalam hal ini, analisis turut melihat hubungan antara tahap prestasi dengan variabel-variabel yang dikaji untuk menentukan pengaruh variabel-variabel tersebut terhadap prestasi.

3.0 REKABENTUK PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini adalah berbentuk tinjauan dan penerokaan. Kaedah soalselidik telah digunakan sebagai kaedah utama. Kaedah ini digunakan kerana ia memudahkan penyelidik untuk mengumpul dan menganalisis data penyelidikan yang menggunakan sampel responden yang agak besar.

4.0 PEMILIHAN SAMPEL

Bagi mendapatkan gambaran mengenai pemindahan kandungan latihan ke tempat kerja, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah dipilih untuk dijadikan tempat penyelidikan. Populasi bagi penyelidikan ini ialah kakitangan sokongan KPLB. Jumlah keseluruhan populasi penyelidikan ini seramai 120 orang. Soalselidik telah diedarkan kepada semua kakitangan sokongan memandangkan jumlah keseluruhan populasi ini adalah kecil.

5.0 PENGUMPULAN DATA

Secara amnya, pengumpulan data bagi penyelidikan ini melibatkan dua bentuk data iaitu data primer dan sekunder.

5.1 Data Primer

i) Teknik Temubual

Pegawai Sumber Manusia telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat asas berhubung dengan organisasi yang dikaji, aspek-aspek perjawatan dan juga latihan yang dijalankan di sini. Maklumat ini amat berguna dalam mendapatkan gambaran sepintas lalu mengenai latihan dan aplikasi kandungan latihan organisasi yang dikaji.

ii) Kaedah Soalselidik

Kaedah soalselidik telah digunakan sebagai sumber utama untuk mendapatkan data primer. Faktor-faktor utama yang mempengaruhi pemindahan kandungan latihan ke tempat kerja yang telah dikenalpasti daripada penyelidikan terdahulu telah menjadi asas kepada kenyataan-kenyataan yang dibentuk dalam soalselidik ini. Ia kemudian telah dirujuk kepada beberapa pegawai sumber manusia dan pensyarah kaedah penyelidikan. Berdasarkan tulisan-tulisan terdahulu dan pandangan pihak-pihak yang telah dinyatakan, item-item disusun dan diagihkan mengikut pembahagian yang sesuai.

Soalselidik yang dibentuk adalah berupa soalan-soalan *'open ended'* dan *'closed ended'*. Bagi setiap kenyataan dalam bahagian *'closed ended'*, responden perlu menyatakan sejauhmanakah mereka setuju atau sebaliknya dengan memilih satu daripada lima item skala Likert iaitu sangat setuju (5), sederhana setuju (4), sedikit setuju (3), kurang setuju (2) dan sangat tidak setuju (1). Soalselidik telah dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

Bahagian 1

Bahagian ini terdiri daripada item-item atau soalan berkaitan dengan ciri-ciri demografi. Soalan pada bahagian ini adalah mengenai umur, bangsa, jantina, tahap pendidikan formal dan tempoh berada dalam jawatan sekarang. Pengetahuan tentang latarbelakang responden amat penting dalam membantu penyelidik memahami pandangan responden di dalam penyelidikan ini.

Bahagian 2

Bahagian ini merangkumi pandangan atau persepsi responden mengenai prestasi mereka selepas mengikuti latihan. Ia bagi menentukan keberkesanan latihan yang telah diikuti oleh kakitangan di Kementerian ini. Ia juga bagi membolehkan penyelidik mengenalpasti apakah aspek-aspek prestasi yang masih lemah atau perlu diperbaiki berdasarkan prestasi pekerja.

Bahagian 3

Bahagian 3 diwujudkan bagi meninjau pandangan responden mengenai faktor-faktor atau variabel yang mempengaruhi pemindahan kandungan latihan. Variabel-variabel ini dibahagikan kepada tiga variabel utama iaitu ciri-ciri individu, rekabentuk latihan dan persekitaran kerja. Maklum balas daripada bahagian ini amat penting bagi membolehkan penyelidik melihat apakah variabel yang paling menyokong pemindahan kandungan latihan ke tempat kerja. Selain itu, ia juga bagi menentukan apakah variabel yang paling lemah dalam mempengaruhi proses pemindahan kandungan latihan.

Bahagian 4

Bahagian ini terdiri daripada soalan-soalan berbentuk '*open ended*' yang berkaitan dengan halangan-halangan utama dan cadangan-cadangan bagi meningkatkan pemindahan kandungan latihan ke tempat kerja. Ia bagi mengenalpasti apakah halangan yang dirasakan penting yang mungkin tidak disentuh dalam bahagian sebelumnya. Ia juga bagi membolehkan responden memberi cadangan yang dirasakan wajar bagi memperbaiki latihan dan pemindahan kandungan latihan sedia ada.

5.2 Data Sekunder

Penyelidik juga mendapat maklumat dan data melalui rujukan yang dibuat ke atas buku-buku, majalah, jurnal, artikel, laporan-laporan tahunan serta lain-lain bahan penerbitan. Sumber utama data diperolehi daripada buku-buku dan juga daripada jurnal-

jurnal. Ia banyak membantu penyelidik dalam mengenalpasti konsep-konsep dan penemuan penting tentang isu yang dikaji.

6.0 PENYELIDIKAN RINTIS

Sebelum penyelidikan sebenar dilaksanakan, penyelidikan rintis telah dijalankan bagi menguji soalselidik yang merupakan alat penyelidikan. Penyelidikan rintis telah dijalankan ke atas 8 orang pekerja sokongan yang tidak terlibat dengan penyelidikan ini. Tujuan penyelidikan rintis adalah:

- a) mengenalpasti masalah berhubung pemahaman dan interpretasi terhadap soalan-soalan soalselidik;
- b) menilai tindakbalas yang diberikan terhadap soalan-soalan terbuka dan melihat apakah ia bersesuaian dan mencukupi;
- c) untuk melihat jangkamasa yang diperlukan bagi menjawab item-item yang dikemukakan dalam soalselidik; dan
- d) untuk mendapat maklum balas daripada mereka yang menjawab agar item-item dan soalan-soalan dapat dimurnikan.

Dapatan penyelidikan ini telah digunakan untuk memperbaiki soalselidik khususnya dari segi isi kandungan item dan bahasa yang digunakan.

7.0 UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Soalselidik bagi penyelidikan ini dibina oleh penyelidik sendiri. Oleh itu, perlu ada ujian bagi mengetahui tahap kebolehpercayaannya. Ujian kebolehpercayaan soalselidik bagi penyelidikan ini telah dianalisis menggunakan alpha Cronbach untuk menentukan nilai ketekalan instrumen. Jadual 4 menunjukkan indeks ketekalan bagi setiap variabel utama dalam soalselidik ini.

Jadual 4

Nilai Ketekalan Instrumen

Instrumen	Bilangan Item	Nilai Alpha Cronbach
Prestasi Diri	15	0.8728
Ciri-ciri Individu	16	0.9617
Rekabentuk Latihan	16	0.9149
Persekitaran Kerja	15	0.9281

Dapat dilihat bahawa indeks ketekalan adalah di antara 0.8728 hingga 0.9617. Menurut Sekaran (2003), semakin hampir nilai alpha Cronbach sesuatu soalselidik itu kepada 1.00, lebih tinggi kebolehpercayaannya. Oleh yang demikian, nilai yang didapati menunjukkan kebolehpercayaan instrumen ini adalah amat memuaskan.

8.0 PENGANALISAAN DATA

Data-data yang diperolehi daripada borang soalselidik yang telah dilengkapkan oleh responden telah dianalisa dengan menggunakan pakej Program *SPSS for Windows* versi 11.00. Disebabkan jenis-jenis data yang diperlukan pada tiap-tiap bahagian soalselidik adalah berbeza, pengukuran data yang digunakan juga adalah berbeza. Secara

keseluruhannya. teknik penganalisaan data meliputi kaedah '*frequency tabulation*' atau jadual taburan, pengiraan peratusan, Anova Sehala dan Korelasi Pearson.

Analisis frekuensi dan peratusan digunakan untuk melihat taburan profil responden dengan lebih jelas. Analisis min pula digunakan untuk melihat apakah faktor-faktor yang menyokong pemindahan kandungan latihan dan sebaliknya. Ia digunakan untuk menerangkan dengan jelas faktor-faktor yang menjadi halangan atau sokongan utama. Korelasi Pearson telah digunakan untuk membuktikan hubungan antara prestasi dan variabel-variabel yang dikaji manakala Anova Sehala pula digunakan untuk menentukan perbezaan dan perhubungan tahap prestasi yang dimiliki di antara ciri-ciri latar belakang responden.

Bagi soalan-soalan '*open ended*', jawapan responden diukur mengikut frekuensi cadangan yang diberi iaitu lebih kerap sesuatu cadangan diberi, maka cadangan itu dianggap lebih penting berbanding dengan cadangan yang kurang kerap.


Pada tahap akhir penyelidikan, penyelidik telah menyusun dan menstruktur semula data-data yang telah dianalisa. Data-data ini dipersembahkan dalam bentuk rajah dan format yang bersesuaian. Hasil daripada analisis ini akan dibentangkan dalam Bab 5.

9.0 PENTADBIRAN PENYELIDIKAN

Rajah 5 menyediakan carta aliran aktiviti dijalankan dalam melaksanakan projek penyelidikan ini. Secara keseluruhannya, masa yang diambil bagi menjalankan keseluruhan aktiviti ini adalah 5 bulan bermula daripada Mei 2003 sehingga September 2003.

Rajah 5

Carta Aliran Penyelidikan



Proses penyelidikan ini telah berlaku secara tersusun iaitu mengikut tahap-tahap seperti di dalam Rajah 5. Ini bagi memastikan penemuan penyelidikan ini adalah mantap dan tiada tahap atau proses yang tertinggal atau diabaikan.